



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 6/2026

SELASA, 30 JUN 2026 (14 MUHARRAM 1448H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urus bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. **MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS 2026 : MBPJ RANGKUL DUA ANUGERAH**

Majlis mencatat pencapaian membanggakan di peringkat kebangsaan apabila berjaya merangkul dua Anugerah MLAA16 Honour Award 2026 dalam *Government Category | 6A – Green Initiatives Awards* sempena Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA16) 2026 anjuran Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).

Pengiktirafan berprestij yang diterima menerusi dua projek berimpak tinggi ini mencerminkan komitmen MBPJ terhadap pembangunan bandar mampan, pemuliharaan biodiversiti serta kesejahteraan komuniti bandar.

Anugerah pertama diterima melalui projek **Hutan Pendidikan Bukit Gasing – Reviving Urban Biodiversity**, yang mengetengahkan usaha MBPJ dalam memulihara dan memperkasa kawasan hutan bandar seluas 93.53 ekar sebagai pusat pendidikan alam sekitar, rekreasi dan pemuliharaan biodiversiti.

Projek ini berjaya mentransformasikan kawasan bekas ladang getah kepada sebuah hutan sekunder yang berfungsi sebagai paru-paru hijau bandar serta habitat penting kepada pelbagai spesies flora dan fauna.

Anugerah kedua pula diterima menerusi projek **Hentian Damai – Nature-Based Green Initiative for Community-Oriented Urban Park Stalls**, yang mengintegrasikan kemudahan ekonomi komuniti dengan konsep *Nature-Based Solutions* (NBS) dan pembangunan rendah karbon. Projek ini berjaya menyusun semula aktiviti penjaja secara lebih teratur, bersih dan mesra alam di dalam kawasan taman awam tanpa menjejaskan ekosistem semula jadi sedia ada.

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan Majlis dalam menerajui agenda bandar hijau dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi **Sustainable Petaling Jaya 2030**, selain mengukuhkan kedudukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang progresif, mampan dan mesra alam di Malaysia.

3. BUKU PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) PERKASA AGENDA INTEGRITI

Majlis telah melancarkan **Buku Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2026-2030** bagi menzahirkan komitmen MBPJ yang berterusan dalam memperkukuh tadbir urus, memperkasa integriti dalam usaha pencegahan dan membendung rasuah.

Selain menyahut seruan kerajaan untuk memperkukuhkan agenda antirasuah dalam sektor perkhidmatan awam melalui **Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS)**, pelancaran OACP juga menjadi dokumen penting dalam pelaksanaan strategi pencegahan rasuah dalam kalangan warga kerja MBPJ. Ia juga akan menjadi rujukan utama bagi pematuhan terhadap peraturan, etika kerja dan prinsip integriti warga kerja MBPJ.

Warga kerja MBPJ sentiasa terdedah kepada situasi yang boleh menguji integriti termasuk cubaan daripada pihak tertentu yang ingin menawarkan sesuatu bagi memudahkan urusan mereka. Oleh itu, integriti perlu sentiasa dipelihara. Selain aspek integriti, penampilan dan profesionalisme turut ditekankan sebagai faktor penting dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap organisasi.

Pembentukan integriti tidak berlaku dalam sekelip mata sebaliknya memerlukan latihan, disiplin dan penghayatan nilai-nilai murni secara berterusan. Dengan berpaksikan Rukun Negara, utamakan kepercayaan kepada Tuhan serta mengamalkan konsep kepimpinan yang kuat dan amanah, kita mampu melahirkan generasi yang berintegriti serta menjadi benteng kukuh dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

4. MBPJ PERKUKUH PEMATUHAN SEKSYEN 85A MELALUI MBCS-MBPJ, 22 PEMILIK BANGUNAN TERIMA ANUGERAH BANGUNAN BERPRESTASI TINGGI 2026

Bagi memperkukuhkan pematuhan pemilik bangunan yang menerima Notis 85A terhadap keperluan pemeriksaan keadaan bangunan sedia ada, MBPJ terus mempergiat pelaksanaan Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ) melalui penganjuran Majlis Anugerah Bangunan Berprestasi Tinggi 2026 dan Taklimat Pemantapan Kecekapan Mandatori Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ), Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bersama pihak pengurusan bangunan, pemilik serta perunding profesional.

Majlis yang diadakan itu menjadi platform bagi memperjelaskan skop, tanggungjawab serta tatacara pelaksanaan pemeriksaan bangunan berdasarkan Garis Panduan Pemeriksaan dan Pengukuran Keadaan Bangunan Sedia Ada (MBCS-MBPJ) yang ditetapkan oleh MBPJ.

Pelaksanaan pemeriksaan bangunan secara berkala merupakan langkah proaktif bagi memastikan aset bangunan sedia ada kekal selamat, terpelihara serta berada pada tahap prestasi yang optimum.

Selain itu, aspek keselamatan bangunan perlu diberi perhatian serius khususnya melibatkan bangunan berusia lebih 10 tahun kerana penyelenggaraan yang berterusan serta pemeriksaan berkala mampu membantu mengenal pasti potensi risiko pada peringkat awal.

Pemantapan kecekapan pemeriksaan keadaan bangunan bukan sahaja membantu pemilik memenuhi keperluan perundangan, malah menyokong usaha meningkatkan kualiti pengurusan dan penyelenggaraan aset bangunan secara berterusan.

Melalui penilaian yang dilaksanakan secara berkala, sebarang isu atau kelemahan dapat dikenal pasti lebih awal bagi membolehkan tindakan pembaikan diambil sebelum menjejaskan keselamatan penghuni serta pengguna bangunan.

Pelaksanaan Seksyen 85A Akta 133 turut memperincikan peranan dan tanggungjawab semua pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan, pemilik bangunan serta perunding profesional berdaftar dalam memastikan pemeriksaan dan penyediaan laporan dilaksanakan mengikut tatacara serta standard teknikal yang ditetapkan.

Kerjasama strategik antara MBPJ, pemilik bangunan dan perunding profesional amat penting dalam membentuk budaya pengurusan bangunan yang lebih sistematik dan bertanggungjawab, sekali gus menyumbang kepada pewujudan persekitaran bandar raya yang selamat.

Dalam pada masa yang sama, seramai 22 pemilik bangunan telah menerima Anugerah Bangunan Berprestasi Tinggi 2026 sebagai pengiktirafan terhadap usaha mereka melaksanakan proses pemeriksaan bangunan berkala sehingga berjaya memperoleh Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (SPPB/CCI) Tahun 2025.

Majlis berharap penganugerahan ini dapat menjadi pemangkin kepada lebih ramai pemilik bangunan di Petaling Jaya untuk mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan pemeriksaan berkala, selain meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan bangunan secara berterusan.

5. **PROGRAM PJ PRIHATIN**

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20, Majlis menggerakkan **Program PJ Prihatin**. Keutamaan pelaksanaan inisiatif kali ini memfokuskan tumpuan sepenuhnya kepada golongan rentan yang terlantar, pesakit kronik (bedridden), serta individu Orang Kurang Upaya (OKU) di sekitar bandar raya ini.

Penganjuran program berbentuk ziarah kasih ini bukan sekadar manifestasi keperihatinan sosial kita, malah menjadi tanggungjawab hakiki Majlis dalam memastikan tiada segmen masyarakat yang terpinggir daripada jaringan perlindungan dan ihsan bandar raya.

Lebih memberi makna, program kali ini turut mendapat sokongan padu daripada rakan strategik sektor korporat. Sehubungan dengan itu, bagi pihak Majlis, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Parkwood Holdings Berhad** atas sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap program ini.

Sumbangan khusus berbentuk barangan keperluan khas seperti lampin pakai buang dewasa, barangan harian, bantuan tunai, serta baucar farmasi daripada pihak Parkwood dapat meringankan beban emosi dan kewangan para penjaga serta keluarga pesakit terlantar ini.

Sinergi murni ini sewajarnya menjadi penanda aras serta contoh teladan yang signifikan bagi penglibatan sektor swasta dalam pembangunan komuniti inklusif.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru lebih banyak syarikat-syarikat korporat, pemain industri dan badan bukan kerajaan di sekitar Petaling Jaya untuk tampil bersama-sama memikul tanggungjawab sosial ini.

Majlis sentiasa bersedia membuka ruang kolaborasi strategik dan menjadi pemudah cara bagi meluaskan lagi agihan bantuan keperluan khas ini agar agenda bandar raya penyayang dapat kita realisasikan bersama.

6. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA PERKASA PJ WATCH

Program PJ Watch sinonim di kalangan masyarakat Petaling Jaya melalui rangka kerjanya yang lebih sistematik khususnya daripada aspek pendidikan, pemantauan serta penguatkuasaan secara bersasar bertujuan membendung isu pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya.

Program ini juga terus menerima maklumbalas positif daripada orang awam melalui inisiatif seperti hebahan, reruai, PJ Watch@Taman serta PJ Watch@School ke arah Petaling Jaya Mampan dan Bahagia 2030. Status pelaksanaan pada sepanjang tahun 2026 (Januari sehingga Jun) adalah seperti berikut :

- a) Jumlah Lokasi *Hotspot* Sampah Haram : 25 Lokasi
- b) Jumlah *Hotspot* Yang Dilengkapi CCTV Bergerak : 17 Lokasi
- c) Jumlah Penemuan Kes Melalui CCTV : 21 Kes
- d) Jumlah Kompaun : 213 Kompaun
- e) Jumlah Tangkapan : 87 Kes
- f) Jumlah Hebahan Media Sosial : 11 Kali
- g) Program Pendidikan : 13 Kali
- h) Jumlah Kes Pendakwaan : 2 Kes Jatuh Hukum

MBPJ sentiasa komited dalam meningkatkan tahap rondaan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu pembuangan sampah haram mengikut perundangan digunapakai serta berharap agar warga Petaling Jaya dapat juga berkongsi aspirasi yang sama dalam menjaga kelestarian bandar raya demi kesejahteraan serta kebahagiaan penduduk.

7. 124 PASUKAN PKKPJ TERIMA SUMBANGAN GERAN MBPJ

Seramai 124 Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) menerima sumbangan Geran PKKPJ 2026 sebagai sokongan terhadap usaha memperkukuh peranan komuniti dalam aspek keselamatan kejiranan serta pencegahan jenayah di kawasan masing-masing.

Penyaluran geran berkenaan merupakan komitmen MBPJ dalam memperluaskan pendekatan keselamatan bandar berasaskan kerjasama bersama komuniti. Pembangunan sebuah bandar raya yang selamat bukan sahaja bergantung kepada aspek penguatkuasaan, malah memerlukan penyertaan aktif masyarakat sebagai mata dan telinga dalam mengenal pasti isu keselamatan setempat.

Dalam memastikan Petaling Jaya terus menjadi bandar raya yang selamat dan berdaya huni, peranan komuniti amat penting. PKKPJ merupakan rakan strategik MBPJ dalam membantu mewujudkan persekitaran kejiranan yang lebih prihatin, responsif dan kondusif.

Pelaksanaan PKKPJ yang berteraskan pendekatan *community-based policing* merupakan antara inisiatif MBPJ dalam memperkasakan penyertaan masyarakat menerusi aktiviti rondaan keselamatan, program kesedaran komuniti serta jaringan kerjasama bersama agensi keselamatan.

Bagi tahun 2026, kadar sumbangan geran PKKPJ telah dinaikkan kepada RM 3,500.00 bagi setiap pasukan berbanding RM 3,000.00 pada tahun sebelumnya, melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM 434,000.00.

Peningkatan ini bertujuan menyokong pasukan PKKPJ dalam memperluaskan pelaksanaan aktiviti keselamatan, kebajikan komuniti serta program kejranaan yang memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Geran ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi merupakan penghargaan MBPJ terhadap komitmen sukarelawan PKKPJ yang meluangkan masa dan tenaga dalam membantu menjaga keselamatan kawasan kejranaan masing-masing.

Inisiatif ini turut selari dengan Pelan Strategik MBPJ 2026–2030 khususnya **Teras 3 yang memberi fokus kepada pemerkasaan komuniti inklusif dan sejahtera ke arah peningkatan kualiti kehidupan bandar.**

Selain pelaksanaan PKKPJ, MBPJ turut membangunkan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya sebagai kerangka strategik bagi menyelaraskan pengurusan keselamatan bandar secara menyeluruh melibatkan aspek persekitaran, infrastruktur, teknologi digital, pengurusan keselamatan serta penguatkuasaan.

Sepanjang tahun 2025, MBPJ telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik di bawah Agenda Bandar Selamat antaranya:

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Bandar Selamat dan Komuniti Berpengawal MBPJ
- b) Program Pemutihan Kawasan *Blackspot* di Pelangi Damansara
- c) Semakan Pematuhan Reka Bentuk Bandar Selamat Berdasarkan Konsep Crime Prevention Through Environmental Design (Cpted)
- d) Penambahbaikan Garis Panduan Komuniti Berpengawal MBPJ 2025
- e) Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ)
- f) Karnival Pencegahan Jenayah dan Keselamatan di Desa Mentari serta Bengkel Kesedaran dan Pertahanan Diri Wanita.

MBPJ turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan PKKPJ kepada pasukan dan persatuan yang menunjukkan prestasi cemerlang berdasarkan pelaksanaan program keselamatan kejiranan, penglibatan komuniti serta kerjasama bersama agensi berkaitan.

MBPJ yakin penglibatan aktif komuniti melalui PKKPJ mampu memperkukuh budaya prihatin terhadap keselamatan, seterusnya menyumbang kepada pembentukan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang selamat, mampan dan sejahtera.

PENUTUP

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), Pengarah, Pegawai dan warga kerja MBPJ serta urus setia induk dan urus setia program dalam penglibatan menjayakan penganjuran Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-20.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada komuniti Petaling Jaya yang memberi sokongan hadir dan menyertai program / aktiviti yang dianjurkan. Semoga kerjasama dan semangat kerja berpasukan ini akan terus diperkasakan pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

TAMAT